



**KENYATAAN MEDIA**  
ZAIRULSHAHFUDDIN ZAINAL ABIDIN  
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF ISLAMIC RELIEF MALAYSIA  
  
UNTUK SIARAN SEGERA  
2 OKTOBER 2018

---

**ISLAMIC RELIEF BANTU USAHA MENYELAMAT DI SULAWESI**

---

Ekoran gempa bumi berskala 7.5 magnitud yang membabitai Sulawesi, Indonesia pada 28 September lalu, rakyat Malaysia dari segenap lapisan masyarakat dan latarbelakang diseru untuk menyokong usaha Islamic Relief Malaysia (IRM) dan menyumbang kepada tabung Rayuan Kecemasan Indonesia yang dilancarkan pada 1 Oktober 2018.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif IRM, Zairulshahfuddin Zainal Abidin, IRM menasarkan jumlah kutipan dana sebanyak RM500,000 bertujuan untuk menyalurkan bantuan kemanusiaan kepada penduduk terjejas khususnya di Palu dan Donggala.

“Islamic Relief Indonesia (IR Indonesia) kini berada di lapangan bersama rakan kerjasama NGO tempatan, Rumah Zakat (RZ) dan Pos Keadilan Peduli Ummat (PKPU) bagi membantu kerja-kerja menyelamat.

“Melalui penilaian dan tinjauan yang dilakukan, dana terkumpul bakal digunakan untuk membeli barang keperluan kecemasan seperti makanan, minuman, barang keperluan harian serta membaik pulih sistem bekalan air,” jelas Zairulshahfuddin.

Sehingga kini, bencana yang turut menyebabkan tsunami di Palu dan Donggala itu telah mengorbankan lebih 850 nyawa, mencederakan ribuan lain, memusnahkan 350,000 tempat tinggal dan menjaskan lebih 750,000 penduduk.

Pengarah Negara IR Indonesia, Nanang Dirja berkata, kerja-kerja menyelamat ketika ini amat sukar kerana akses yang menghubungkan jalan-jalan utama telah musnah sama sekali.

"Ini keadaan yang sangat dahsyat, mayat bergelimpangan di mana-mana, termasuk di pantai dan di bawah runtuhan. Dalam satu kawasan di Kota Palu, 500 buah rumah telah runtuh namun misi mencari dan menyelamat masih belum dimulakan.

"Kemusnahkan infrastruktur telah menghalang serta memperlambangkan usaha-usaha membantu mereka yang memerlukan. Ada antara mereka yang mengalami kecederaan parah di kepala, tulang patah dan pelbagai lagi," tambah Nanang.

Sulawesi ketika ini terputus bekalan elektrik menyebabkan kakitangan perubatan serta petugas kemanusiaan terpaksa beroperasi di dalam gelap.

Ribuan penduduk kehilangan tempat tinggal dan berlindung di mana sahaja tanpa bekalan makanan, air dan ubat yang mencukupi.

### **Mengenai IR Indonesia**

Islamic Relief mula beroperasi di Indonesia sejak tahun 2000 dan telah mewujudkan pejabat pertama di Jakarta pada 2003.

Sejak ditubuhkan, IR Indonesia telah memberi bantuan kepada rakyat Indonesia melalui pelbagai sektor seperti kecemasan, kehidupan mampan, pendidikan, penajaan Al-Yateem dan pelbagai lagi.

IR Indonesia juga merupakan antara NGO terawal yang menghantar pasukan bantuan ketika bencana tsunami 2004 di Aceh dan gempa bumi di Yogyakarta pada 2006.

Melalui Memorandum Persefahaman (MOU) antara IR Indonesia dan Kementerian Dalam Negeri, IR Indonesia diberi mandat untuk beroperasi di lima Wilayah: Nangroe Aceh Darussalam (NAD), Sumatera Barat, Jawa Barat, Nusa Tenggara Barat dan Banten.

### **Mengenai Islamic Relief (IR)**

Islamic Relief (IR) adalah sebuah organisasi bantuan dan pembangunan kemanusiaan antarabangsa yang bebas. IR beribu pejabat di United Kingdom dan ditubuhkan pada tahun 1984. IR telah berkhidmat di lebih dari 45 buah negara, membantu lebih daripada 120 juta orang. IR juga mempunyai rangkaian tetap di lebih 30 buah negara merangkumi 100 buah cawangan di seluruh dunia. Skop bantuan IR merangkumi bantuan kecemasan, pembangunan mampan bersepada, pengurangan risiko bencana dan advokasi.

YABhg. Tun Dr. Mahathir Mohamad telah merasmikan penubuhan Islamic Relief Malaysia (IRM) pada tahun 2005, bertujuan untuk meneruskan bantuan kemanusiaan IR di rantau

Asia-Pasifik. Kini, IRM berperanan sebagai pejabat penjanaan dana dan pelaksana projek (antarabangsa & tempatan)

Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai program kemanusiaan IRM, sila layari laman web rasmi IRM iaitu atau hubungi IRM di talian tetap 03-8926 3434.

Bagi mereka yang ingin membuat sumbangan, salurkan sumbangan anda ke nombor-nombor akaun berikut atas nama Islamic Relief Malaysia :

**MAYBANK ISLAMIC | 5621 4270 8704**

**CIMB ISLAMIC | 860 2073818**

**BANK ISLAM | 12 029 01 006564 3**

**AFFIN ISLAMIC | 10 671 000278 4**

**BANK RAKYAT | 11080 10000 35**

atau melalui :

**CHARITY SHOPPE | TUNAI / KAD KREDIT**

**MOBILE APPS | IR Malaysia**

Zairulshahfuddin Zainal Abidin

Ketua Pegawai Eksekutif

Islamic Relief Malaysia

- Tamat-

---

Dikeluarkan oleh,  
**Islamic Relief Malaysia (IRM)-Reg No: 657354-W**  
**A-05-1, Paragon Point, Jalan Medan PB5, Seksyen 9,**  
**Pusat Bandar, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor**

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi **Unit Media**  
di talian 03-8926 3434, faks 03-8925 3434 atau  
emel: [Malaysia.Media@islamic-relief.org.my](mailto:Malaysia.Media@islamic-relief.org.my)